

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 5 SEPTEMBER 2014 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Standard halal kenal pasti DNA babi	Utusan Malaysia
2.	Penanda aras kesan DNA babi	Harian Metro
3.	Jakim sedia Operasi Penyelidikan Halal	Utusan Malaysia
4.	Jakim Sedia Operasi Penyelidikan Halal Di Bandar Enstek, Sepang	BERNAMA
5.	M'sians in bid to create selfie world record	The Star
6.	Advancing security	The Star
7.	Police waiting for test results	The Sun

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 26**  
**TARIKH : 05 SEPTEMBER 2014 (JUMAAT)**

Malaysia negara pertama keluarkan garis panduan

# Standard halal kenal pasti DNA babi

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
jengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 4 Sept. - Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang melancarkan satu standard halal bagi mengenal pasti Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi dalam kandungan pelbagai produk pada pertengahan tahun 2016.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ibin berkata, standard itu bakal mengeluarkan garis panduan untuk mengenal pasti sama ada sesuatu produk mengandungi DNA babi atau sebaliknya.

Katanya, standard itu yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Kimia dilihat sebagai penyelesaian terhadap isu DNA babi seperti yang pernah berlaku sebelum ini.

"Sebanyak 19 makmal penyelidikan halal telah duduk semeja dengan Jabatan Standard Malaysia baru-baru ini bagi mencari jalan penyelesaian berhubung standard DNA babi memandangkan masing-



**DR. Ewon Ebin (tiga dari kanan) dan Fadilah Baharin (dua dari kanan) bertanya sesuatu kepada sebahagian para peserta Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) berhubung Standard dan Struktur Pematuhan Halal yang disertai oleh wakil daripada 21 negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Hotel Evelyn Putrajaya, semalam.** - UTUSANWAHIDAH ZAINAL

masing mempunyai piawaian dan teknologi berbeza.

"Standard dikeluarkan itu akan

menjadi garis panduan bermula daripada pensampelan produk seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan

sehingga dihasilkan kepada pengguna sama ada sesuatu pembuatan itu mengandungi DNA babi atau

tidak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) berhubung Standard dan Struktur Pematuhan Halal yang disertai oleh wakil daripada 21 negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin dan Ketua Pengarah Jabatan Polisi dan Pelan Strategik Kementerian Luar, Zainol Rahim Zainuddin.

Sementara itu, Ewon memberitahu, standard DNA itu bakal menjadi Standard Malaysia (MS) halal yang ke-12 selepas pihaknya melancarkan 11 piawaian halal antaranya seperti MS1500:2004 bagi produk dan perkhidmatan halal dan MS 2200:2008 bagi standard halal barangan kosmetik.

Katanya, standard halal yang digariskan Jabatan Standard Malaysia merupakan syarat utama sebelum Jakim mengeluarkan sijil pengiktirafan halal terhadap sesuatu produk.

"Jika para pengeluar tidak me-

matuhi standard halal, mereka akan gagal menerima pengiktirafan sijil halal oleh Jakim," katanya.

Beliau menambah, pengeluaran kesemua standard halal tersebut adalah sejajar dengan hasrat kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyatakan sektor halal sebagai agenda negara dan soal itu bersesuaian dengan kedudukan Malaysia sebagai negara Islam.

Katanya, faktor itu turut disokong dengan kejayaan Malaysia sebagai negara pengeksport produk halal terbesar di dunia dengan nilai dagangan sebanyak RM32.8 bilion pada tahun lalu.

"Oleh itu, kerajaan bertanggungjawab untuk membangunkan standard halal bagi setiap pengeluaran produk supaya setiap pengeluar mematuhi piawaian halal yang digariskan oleh Jakim.

"Kita berbangga kerana Malaysia telah menjadi rujukan menerusi kesemua standard halal itu oleh negara lain seperti Amerika Syarikat, Brazil, Australia di samping negara anggota OIC sendiri," katanya.

# Penanda aras kesan DNA babi

■ Penentuan MS dianggap pertama di dunia

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
am@hmetro.com.my  
Putrajaya

Jabatan Standard Malaysia (Standard Malaysia) kini sedang membangunkan Standard Malaysia (MS) khas bagi menentukan kewujudan Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi yang disifatkan pertama di dunia.

Penentuan MS itu bagi menyeragamkan penilaian makmal kepada satu tanda aras terutama bagi kes pencemaran DNA babi dalam makanan; ubat-ubatan; kosmetik; aksesori dan pakaian.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin berkata, pihaknya kini sudah mengadakan pertemuan dengan 19 makmal di negara ini selain Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Jabatan Kimia Malaysia serta Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, ketika ini dua pertemuan sudah diadakan dengan wakil 19 makmal dan agensi berkenaan malah pihaknya menerima reaksi positif dan memberangsangkan daripada semua wakil berkenaan.

“Usaha penubuhan MS dilakukan sejak Jun lalu malah ia dirancang sebelum isu penemuan DNA babi dalam produk coklat baru-baru ini”

Dr Ewon Ebin

“Usaha membangunkan MS itu dilakukan sejak Jun lalu malah ia dirancang sebelum isu penemuan DNA babi dalam produk coklat baru-baru ini.

“Ia dirancang dua tahun lalu namun isu coklat berkenaan menyebabkan usaha membangunkan MS berkenaan dipercepatkan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) mengenai Standard Halal dan Infrastruktur Pematuhan bagi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) 2014, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia Fadilah Baharin.

Dr Ewon berkata, MS berkenaan kini masih berada



pada peringkat awal kajian dan kebiasaannya ia memakan masa antara satu tahun setengah hingga tiga tahun bagi menyiapkannya.

Beliau berkata, MS yang ditubuh khusus mengenai pengenalpastian DNA babi itu akan merangkumi pelbagai perkara termasuk teknik pengambilan sampel; prosedur operasi standard (SOP) kajian dan teknologi yang digunakan.

Sementara itu Fadilah berkata, setakat ini Standard Malaysia sudah menghasilkan 11 MS mengenai halal termasuk Garis Panduan Makanan Halal- Pengeluaran; Penyediaan; Pengendalian dan Penyimpanan serta Garis Panduan Ubat-ubatan Halal.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 05 SEPTEMBER 2014 (JUMAAT)**

## Jakim sedia Operasi Penyelidikan Halal

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bersedia menjalankan operasi penyelidikan halal di Bandar Enstek, Sepang dengan nilai pembangunan RM23 juta bagi membantu peserta industri mengenal pasti status halal produk.

Pusat penyelidikan yang dijangka beroperasi pada Januari 2015 merupakan kerjasama strategik antara Jakim dan Technology Park Malaysia Corpora-

tion Sdn. Bhd. (TPM) dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai lokasi penyelidikan halal di peringkat global.

Timbalan Ketua Pengarah Dasar Jakim, Mohamad Nordin Ibrahim berkata, pembangunan pusat tersebut menambah kemudahan pusat penyelidikan sedia ada di Malaysia dan akan membantu ramai peserta industri menguji status halal produk sebelum dipasarkan.



## Jakim Sedia Operasi Penyelidikan Halal Di Bandar Enstek, Sepang

SERI KEMBANGAN, 4 Sept (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bersedia untuk menjalankan operasi penyelidikan halal di Bandar Enstek, Sepang dengan nilai pembangunan RM23 juta bagi membantu peserta industri mengenal pasti status halal produk.

Pusat penyelidikan yang dijangka beroperasi pada Januari 2015 merupakan kerjasama strategik antara Jakim dan Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai lokasi penyelidikan halal di peringkat global.

Timbalan Ketua Pengarah Dasar Jakim, Mohamad Nordin Ibrahim berkata, pembangunan pusat tersebut menambah kemudahan pusat penyelidikan sedia ada di Malaysia dan akan membantu ramai peserta industri menguji status halal produk sebelum dipasarkan.

Katanya langkah ini sejajar dengan usaha Jakim untuk memastikan sijil halal yang dikeluarkan mengikut standard yang tinggi dari pelbagai aspek antaranya sumber produk dan kebersihan premis.

"Sejak awal tahun hingga Ogos lepas, Jakim mengeluarkan 3,475 sijil halal kepada pelbagai syarikat dan kebanyakannya ialah peserta perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya.

Dilaporkan terdapat lebih 600,000 PKS berdaftar di Malaysia dan hampir 116,000 usahawan PKS di bawah penyeliaan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

-- BERNAMA

